

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

13 SEPT 2016

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	3,000 DIJANGKA MERIAH MAJLIS	2
HARIAN METRO	500 SUKARELAWAN BANTU PROGRAM	3
THE STAR	NATURE'S WRATH	4



# HARIAN METRO

## 500 sukarelawan bantu program

13/9/16

**Johor Bahru:** Lebih 500 sukarelawan terdiri daripada kakitangan Harian Metro, Persatuan Belia Taman Cendana selain Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) terlibat dalam program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) sempena Aidiladha yang berlangsung hari ini.

Pengarah Eksekutif (Pengeluaran/BPI) Harian Metro yang juga Pengerusi TKHM Othman Mamat berkata, sukarelawan terlibat membantu sepanjang program berlangsung daripada proses sembelihan sehingga melapah 25 lembu dalam ibadat korban itu.

"Rombongan Harian Metro selamat tiba dan menginap di Hotel Swiss Inn di sini. Kami tidak sabar untuk bertemu penduduk di Taman Cendana, Pasir Gudang bagi merealisasikan program kali ini.

"Kami berbesar hati kerana program ini turut mendapat sokongan padu dan kerjasama penduduk termasuk Ahli Jawatankuasa Masjid An-Nur Pasir Gudang, Persatuan Penduduk Zon Taman Cendana, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Takaful Ikhlas dan PSSCM.

"Kami bersama-sama turun padang kali ini bagi melaksanakan persiapan akhir termasuk hiasan khemah, pemasangan bunting bagi memastikan program berlangsung meriah," katanya, semalam.


Menurut beliau, Pengarah Kumpulan Harian Metro Datuk Mustapa Omar juga akan hadir pada program berkenaan.



AHLI kariah masjid bersama-sama membuat persiapan akhir.

SESI taklimat ahli kariah masjid.

OTHMAN (tengah) bersama ahli kariah masjid bergotong-royong memasang kain rentang



# HARIAN METRO

20 setempat

13-09-2016



Mohamad Fahd Rahmat  
fahd@hmetro.com.my

### Johor Bahru

**K**ira-kira 3,000 penduduk sekitar Taman Cendana dekat Pasir Gudang dijangka memeriahkan program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) sempena Aidiladha yang berlangsung hari ini.

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran/BPI) Harian Metro yang juga Pengerusi TKHM Othman Mamat berkata, sehubungan itu, 25 lembu disembelih dengan sebahagian daripadanya dimasak untuk menjamu tetamu.

Menurut beliau, program

yang disifatkan seperti jamuan Aidiladha untuk penduduk sekitar Taman Cendana itu diharap dapat memberi sedikit kegembiraan kepada mereka yang sebahagiannya kurang berkemampuan.

"Selepas bersama-sama bergotong-royong melaksanakan ibadah korban, kami akan menyediakan juadah istimewa buat tetamu yang hadir iaitu sup tulang selain kari daging yang dihidangkan selepas solat Zuhur.

"Lebih istimewa, tukang masak untuk juadah istimewa ini ialah 50 ahli kariah Masjid Blok 43, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Taman Cendana yang dikenali hebat dalam menyediakan juadah enak," katanya, semalam.

Beliau berkata, pada program sama, daging korban akan diagihkan kepada 1,400 individu.

"Selain itu, 150 asnaf akan menerima Kotak Rezeki Harian Metro yang berisi barangan keperluan harian," katanya.



Othman (tiga dari kiri) bersama ahli kariah masjid membuat persiapan akhir sempena Program 'Booth Korban Titipan Kasih Harian Metro'.

### TITIPAN KASIH HARIAN METRO AIDILADHA

# 3,000 dijangka meriah majlis



# THE STAR



**Nature's wrath** STAR 13/9/16

A storm that lashed Kg Pasir Puteh, Pasir Gudang, Johor, left a trail of destruction in its wake, including badly damaged houses. The villagers who were able, lent a helping hand to repair the dam-

